



UNIVERSITI
M A L A Y A

PUSAT PERUBATAN UM

Anda dinasihati supaya;

Hadir sekurang-kurangnya 45 minit lebih awal di kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dari masa janjitemu anda untuk tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur.

Sekiranya anda didapati terlewat dari masa yang diberikan, pemeriksaan pengimejan anda tidak akan dijalankan dan ditunda ke tarikh yang lain.

Hadir lebih awal dari masa janjitemu untuk mengelakkan masalah kesesakan lalulintas dan mendapatkan tempat letak kereta di PPUM.

JABATAN
PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN

ANGIOGRAM

JANJITEMU:

NAMA:.....

NO R/N:.....

TARIKH:,

MASA:..... PAGI/PETANG

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJITEMU DIBERI OLEH:.....

NOTA PENTING!!!!

Sila lihat di mukasurat belakang brosur

Jika anda tidak dapat hadir, sila hubungi kami:

Tel: 03-79492530 (kaunter janjitemu)

Sila simpan nombor-nombor kaunter janjitemu Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan di dalam telefon bimbit anda sebagai rujukan sekiranya terdapat pindaan pada tarikh janjitemu dari pihak PPUM (03-7949 4411/ 4444/4455/ 4477/ 4488/ 4499).

Pemeriksaan Angiogram.

1. Apakah itu Angiogram?

Ia merupakan prosedur yang dilakukan dengan bantuan sinar-X untuk memperlihatkan salur darah arteri dan vena. Prosedur menggunakan tiub kecil plastik 'catheter' bagi memasukkan agen kontras media pada kawasan pemeriksaan yang dikehendaki untuk mendiagnosis dan merawat penyakit.

2. Apakah tujuan prosedur angiogram dilakukan?

Angiogram digunakan untuk mendiagnosa salur darah pada kawasan badan yang merangkumi otak, leher, jantung, paru-paru, abdomen, ginjal, pelvis, tangan dan kaki.

3. Bagaimana prosedur angiogram dijalankan?

Prosedur angiografi tidak memerlukan sebarang pembedahan secara surgikal, cuma penebukan kecil pada permukaan kulit yang tidak perlu dijahit. Anda boleh kembali menjalani aktiviti normal dalam masa singkat selepas prosedur. Prosedur angiogram biasanya dijalankan di bawah pembiusan setempat. Pembiusan umum hanya diperlukan untuk pemeriksaan major seperti *embolisation* otak.

4. Adakah terdapat sebarang risiko semasa prosedur angiogram dilakukan?

Pesakit wanita perlu memaklumkan kepada doktor/ staf sekiranya hamil. Risiko tentang reaksi alahan yang serius adalah amat jarang berlaku. Sebarang prosedur di mana kulit dipunktur boleh terdedah kepada risiko jangkitan.

Persediaan Pesakit Sebelum Pemeriksaan Angiogram (PENTING!!!)

- Anda dikehendaki menandatangani borang keizinan.
- Anda harus mencukur bahagian pubik sehingga kedua-dua pangkal paha.
- Branula akan dipasangkan kepada lengan anda.
- Anda dikehendaki berpuasa selama 6 jam sebelum prosedur. Bagi pemeriksaan petang, anda dibenarkan mengambil sarapan pagi yang ringan dan berpuasa selepas itu.
- Pastikan anda tiada alahan 'allergy' terhadap ubatan dan makanan laut serta tidak menghidap penyakit lelah / asma. Jika ada, diminta memberitahu kepada Pakar Radiologi untuk tindakan selanjutnya.
- Pemeriksaan bagi wanita pula dijadualkan 10 hari dari tarikh pertama pusingan haid melainkan putus haid atau mengamalkan langkah pencegah kehamilan.
- Memaklumkan kepada Pakar Radiologi jika anda menghidapi AIDS, Hepatitis, 'Sexually Transmitted Disease' dan penyakit pendarahan.
- Pastikan pemeriksaan sinar-X anda yang lama seperti CT-Scan, Ultrasound atau lain-lain (dari hospital luar) dibawa bersama nota kes ketika datang ke PTJ Pengimejan Bio-Perubatan.
- Jika terdapat pendarahan atau bengkak ditempat suntikan, sila maklumkan kepada doktor yang berkenaan.

Doktor/ staf terlibat hendaklah diberitahu segera sekiranya:

Denyutan nadi, tekanan darah akan diambil sebelum dan selepas prosedur angiogram dijalankan. Jika terdapat sebarang perubahan yang ketara, jururawat akan memaklumkan kepada pakar terlibat dan langkah-langkah yang berpatutan akan diambil.